

KIT Adven Natal

TAHUN B
2020 - 2021



DIOCSE OF PENANG
MALAYSIA

ii

**PESANAN
ADVEN DARI
BAPA USKUP**

iv

**TUJUAN &
CARA
 PENGGUNAAN
BOOKLET**

iv

**KETERANGAN
SETIAP
SESI**

vii

**KALENDAR
ADVEN-
NATAL**

01

**HARI MINGGU
PERTAMA
ADVEN**

13

**HARI MINGGU
KEDUA
ADVEN**

24

**HARI MINGGU
KETIGA
ADVEN**

37

**HARI MINGGU
KEEMPAT
ADVEN**

50

**HARI RAYA
BESAR
NATAL**

59

**HARI RAYA
KELUARGA
KUDUS**

68

**HARI RAYA
MARIA,
BONDA KRISTUS**

77

**HARI RAYA
PENAMPAKAN
KRISTUS**

Kepada umat Tuhan
yang berada di negeri
Perlis. Kedah. Kelantan.
Perak. Penang dan
dimana saja kamu
berada...



Kit Adven-Natal ini adalah hadiah kami kepada kamu semua dalam perjalanan sepanjang Adven & Natal tahun ini, iaitu suatu musim yang penuh rahmat.

Saya ingin mengajak anda untuk benar-benar menghayati dan menghidupi peristiwa yang penuh sukacita ini, sambil berusaha mengekalkan suasana riang-gembira.

*Harapan Damai Sukacita Kasih
Kemuliaan Kebersamaan Fiat Bersinarlah*

Segala ini kukatakan kepadamu supaya kamu beroleh sejahtera di dalam Aku. Di dalam dunia kamu akan menghadapi penderitaan; tetapi tegapkanlah hatimu. kerana Aku telah menevaskan dunia.

(Yohanes 16:33)

TIK PERSIAPAN KIT ADVEN-NATAL MILENIUM



Kami mengucapkan syukur dan terima kasih atas bantuan daripada setiap individu, organisasi, sumber dalam talian juga yang diluar talian, terutamanya kepada Roh Kudus yang telah membimbing segala persiapan dan penyediaan kit Adven-Natal ini, dari awal hingga ke akhirnya.

"Semoga Allah, sumber pengharapan, memenuhi kamu dengan segala sukacita dan damai sejahtera dalam iman kamu, supaya oleh kekuatan Roh Kudus kamu berlimpah-limpah dalam pengharapan."

(Roma 15:13)

TUJUAN

Kit Adven-Natal ini disediakan khas untuk kegunaan keluarga, rumahtangga dan individu sepanjang musim Adven dan Natal terutama di masa pandemik COVID-19 ini, yang mana pergerakan harian kita adalah terhad.

CARA PENGGUNAAN

Untuk digunakan pada masa tertentu yang ditetapkan sendiri oleh pengguna.

Menyediakan bahan yang dicadangkan pada halaman ‘Aktiviti’ di buku ini sebelum memulakan pertemuan doa, sebagai tanda penglibatan yang aktif sepanjang musim yang penuh berkat ini.

Selain daripada sesi mingguan yang disediakan di buku ini, kalendar Adven-Natal juga ada menyediakan cadangan aktiviti bagi membimbing perjalanan rohani anda sehari-hari, sepanjang musim Adven dan Natal.

Tema

Tema digunakan sebagai renungan sepanjang minggu.

Fakta Rohani

Santapan rohani untuk membantu kita lebih memahami aktiviti serta suasana musim Adven dan Natal ini.

Lagu Iringan

Lagu Pembukaan & Penutup pada halaman awal dan akhir setiap bab boleh dinyanyikan atau didengar bersama. Lirik dan pautan laman sesawang ada disertakan.

Doa Pembukaan & Doa Penutup

Untuk didoakan bersama diawal dan akhir pertemuan.

Bacaan Injil & Renungan

Bacaan Injil dari buku Alkitab adalah digalakkan. Renungan dibaca untuk membantu kita lebih memahami dan menghayati Injil.

Aktiviti

Digalakkan untuk melaksanakan aktiviti yang dicadangkan mengikut kreativiti sendiri. Urutan aktiviti adalah berlainan pada setiap minggu.

Persiapan Minggu akan Datang

Bahan yang perlu dipersiapkan bagi membantu perjalanan aktiviti pada Ahad berikutnya.

#GLOW4CHRIST

Mari tunjukkan kepada dunia kasih Tuhan yang kita alami dalam hidup kita. Bersinarlah dan bersaksilah bagi Dia!

Gambar & kongsikan aktiviti yang anda lakukan di rumah semasa musim Adven dan Natal ini, atau semasa menggunakan buku ini, dan gunakan Hashtag #GLOW4CHRIST di media sosial yang anda miliki.



November 2020

29



Memberkati
lingkaran lilin
krismas

30

Berikan
SATU benda
berharga milik
anda kepada
seseorang



Disember 2020

1

Berdoa khas
untuk
pengakhiran
COVID-19

2

Hubungi
rakan lama
anda



3

Mencari
wajah Yesus
disetiap orang
yang anda
jumpa hari ini

4

Doakan seorang
sakit yang anda
kenali pada
ketika ini

5

Sediakan
hadiyah Natal
dan doakan
si penerima
tersebut

6

Mengungkapkan
kata-kata
positif kepada
seseorang



Luangkan masa
dalam doa harian
dan komited
dengannya

8

Dengan cara
tersendiri,
ungkapkan cinta
kasih anda
kepada Bonda
Maria hari ini

9

Kongsi
pengalaman kasih
Kristus di media
sosial dengan
hashtag

#GLOW4CHRIST

Disember 2020

10

kerana dunia akan terlihat lebih cerah

13

Memberkati pokok Krismas

16

Bagi setiap hiasan yang anda letak di pokok Krismas, doakan seseorang agar mereka turut merasakan kasih Kristus di Natal ini

19

Berdiam seketika dan nyatakan kepada Tuhan bahawa kamu adalah milik-Nya.

22

Apa hadiah yang ingin kamu berikan kepada Yesus pada Natal tahun ini?

11

Hantarkan kad krismas, terutama kepada mereka yang berkesearongan

14

Ucapkan terima kasih kepada Frontliner

**17**

Kongsikan barang runcit kepada mereka yang memerlukan

20

Memberkati palungan

12

Berdamai dengan mereka yang pernah anda sakiti atau yang menyakiti anda

15

Doakan para paderi dan religius dalam misi mereka

18

Tulis surat kepada rakan dengan tulisan tangan anda sendiri

21

Hantar mesej penghargaan kepada 5 orang

23

Lakukan sesuatu yang menggambarkan kasih Kristus kepada orang lain

**24**

Letakkan nota galakan di dalam peti surat atau atas kereta seseorang

Disember 2020

25

Makan bersama
Merry Christmas

28

Doakan mereka yang telah meninggal dunia

31

Kongsi satu pengalaman yang anda pelajari pada tahun 2020

26

Berikan makanan kepada gelandangan

29

Senaraikan berkat yang kamu terima dan bersyukurlah kepada Tuhan

27

Berdoa bersama di hadapan palungan

30

Bagi setiap perkara yang anda lakukan hari ini, katakan "Untuk Mu, Yesus"

Januari 2021

1

Berdoa Rosari bersama dan setiap seorang mengajukan intensi doa

2

Buat SATU azam tahun baru dan komited dengannya

3

Kenali SATU kelebihan anda dan gunakannya untuk melayani orang lain.

Untuk aktiviti minggu pertama, sediakan...

Jika kamu belum memiliki lingkaran lilin Adven, gunakan kreativiti kamu untuk memiliki satu bagi seisi rumah anda, tanpa perlu membeli dari kedai.



Kain, botol, surat khabar, majalah... Siapa tahu kalau kamu memiliki barang lama yang tidak sudah digunakan. Ubahsuai dan manfaatkan sebagai hiasan!



Layari Encik Google jika kamu memerlukan idea untuk membuat Lingkaran dan Lilin daripada bahan yang sudah kamu miliki.



Sediakan lingkaran anda sebelum aktiviti Pemberkatan Lingkaran Lilin Adven pada minggu pertama. Bawa ahli keluarga atau rakan-rakan serumah kamu untuk menyediakannya.

HARI MINGGU PERTAMA ADVEN



Pengharapan

LINGKARAN LILIN ADVEN



Penggunaan lingkaran dan lilin oleh umat Kristian merupakan suatu tradisi lama yang diadaptasi sejak Zaman Pertengahan.

Lingkaran Adven yang dilingkari dengan pelbagai warna kehijauan merupakan simbolik bagi kelangsungan hidup. Manakala bentuk bulat lingkaran, yang tidak mempunyai permulaan dan penghujung, menggambarkan hidup yang abadi dan kekal, yang boleh kita temui di dalam Kristus.

O, DATANGLAH IMMANUEL

O datanglah Immanuel, tebus umat-Mu Israel
Yang dalam berkeluh-kesah,
menantikan penolong-Nya
Bersoraklah hai Israel,
menyambut Sang Immanuel

O, datanglah pengharapan, menyatukan umat Tuhan
Menghapuskan permusuhan,
b'ri damai dan pengharapan
Bersoraklah hai Israel,
menyambut sang Immanuel

Bersoraklah hai Israel, menyambut sang Immanuel

Pautan Web: https://youtu.be/8RZia_BLW5A

PEMBERKATAN LINGKARAN LILIN ADVEN

Semua membuat Tanda Salib apabila pemimpin mengatakan...

Pemimpin: Pertolongan kita datang dari Allah yang Mahakuasa,

Semua: ...yang mencipta langit dan bumi.

Bacaan dari Kitab Suci (Yesaya 9:1-2, 5-6)

Bangsa yang berjalan dalam kegelapan telah melihat cahaya yang gemilang. Bagi mereka yang tinggal di negeri yang di bawah bayangan maut, cahaya telah bersinar. Engkau melipatgandakan jumlah bangsa itu, Engkau memperbesar sukacita mereka. Mereka bersukacita di hadapan-Mu, seperti orang bersukacita pada musim menuai, seperti orang bergembira apabila membahagi-bahagikan jarahan. Sesungguhnya, seorang anak telah lahir bagi kita, seorang putera telah dikurniakan bagi kita. Di atas bahunya tampuk pemerintahan, dan namanya akan disebut: Penasihat Ajaib, Allah Perkasa, Bapa Kekal, Raja Damai. Pertumbuhan pemerintahan-Nya serta damai tidak akan ada habisnya atas takhta Daud dan atas kerajaannya. Dia akan mengukuhkan dan menopangnya dengan keadilan dan perbenaran dari sekarang untuk selama-lamanya.

#GLOW4CHRIST



PEMBERKATAN LINGKARAN LILIN ADVEN

Pemimpin:

Allah, Tuhan kami, kami memuji-Mu kerana Anak-Mu, Yesus Kristus; Dialah Immanuel, harapan bagi para umat-Mu, Dialah Kebijaksanaan yang mengajar dan membimbing kami, Dialah Juruselamat untuk segala bangsa.

Ya Tuhan Allah, curahkanlah berkat-Mu ke atas kami yang menyalakan lilin di lingkaran ini. Semoga lingkaran ini dan cahayanya menjadi tanda pemenuhan janji Kristus untuk membawa keselamatan bagi kami. Semoga Dia datang, lekas dan tanpa berlengah. Kami mohon ini melalui Kristus Tuhan kami.

Semua: Amen.

#GLOW4CHRIST





TANDA SALIB *Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*

Sama-sama...

Datanglah Roh Kudus,
penuhilah hati umat-Mu yang hadir disini
dan nyalakan dalam kami, api KasihMu.
Datang dan tinggal dalam kami, O Roh Kudus,
baharuilah hati kami dengan harapan dan iman akan Engkau,
terangilah hati kami agar dapat sungguh-sungguh berdoa,
serta semakin mencintai Yesus melalui pertemuan kami ini.
Ya Tuhan, terangilah juga hati kami untuk merenung
Sabda-Mu yang kami dengar, serta berkongsi dan
menghidupi-Nya di hari-hari yang akan datang.
Kami mohon ini melalui Yesus, Tuhan dan Juruselamat kami.
Amen.

Bapa kami...

yang ada di Syurga, dimuliakanlah
Nama-Mu, datanglah Kerajaan-Mu,
jadilah kehendak-Mu, diatas bumi
seperti didalam Syurga. Berilah kami
rezeki pada hari ini, dan ampunilah
kesalahan kami, seperti kami pun
mengampuni yang bersalah kepada
kami. Janganlah masukkan kami ke
dalam percubaan, tetapi bebaskanlah
kami dari yang jahat. Amen.

Salam Maria...

penuh rahmat Tuhan sertamu,
terpujilah engkau diantara
wanita, dan terpujilah buah
tubuhmu, Yesus.

Santa Maria, Bonda Allah,
doakanlah kami yang berdosa
ini, sekarang dan sewaktu
kami mati. Amen

MARKUS 13: 33-37

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Markus...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Berhati-hatilah! Berjagalah dan berdoa! Kerana kamu tidak tahu bila saatnya. Umpama seorang yang berpergian: Dia meninggalkan rumahnya dan memberikan kekuasaan kepada hamba-hambanya, setiap orang dengan tugasnya serta memerintahkan penjaga pintu supaya berjaga-jaga. Oleh itu, berjaga-jagalah, kerana kamu tidak tahu bila tuan rumah akan pulang – pada waktu petang, atau tengah malam, ketika ayam berkокok, atau pada waktu pagi – takut kalau-kalau dia datang tiba-tiba dan mendapatimu sedang tidur. Apa yang Kukatakan kepadamu, Kukatakan kepada semua: 'Berjagalah!'

Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.



***Kata Kunci Alkitab [Mrk]**

**Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan-dada.*

RENUNGAN (1/2)

Penantian kadangkala membosankan, apalagi jika yang dinantikan tidak pasti bila akan datang. Tidak dinafikan dalam masa penantian banyak godaan yang muncul, yang membuat kita rasa bosan, terlena, marah atau mengabaikan. Oleh itu, banyak orang yang gagal untuk setia dalam suatu penantian. Dalam kehidupan iman, kita juga mengalami hal yang sama. Menantikan kedatangan Yesus kali kedua pada akhir zaman, yang kita tidak ketahui bila, merupakan satu perjuangan yang berterusan. Sebab itu, hari ini kita diingatkan agar sentiasa berhati-hati dan berjaga-jaga kerana kita tidak tahu bila tiba waktunya. Namun, kadangkala orang akan terlena dan membiarkan imannya tertidur dan membiarkan keduniawian menguasai dirinya, menyebabkan imannya ditinggalkan. Hari ini, Gereja di seluruh dunia memasuki Musim Adven. Musim Adven ini merupakan masa penantian yang penuh pengharapan, masa pertobatan di mana kita mengarahkan hati kita sepenuhnya kepada kedatangan Yesus kali kedua pada akhir zaman. Kita yang telah dibaptis dituntut untuk hidup bagi Kristus dan bukan bagi kepentingan kita sendiri. Oleh itu, kita bersyukur sebab kita masih berpeluang dan berkesempatan merayakan Adven pada tahun ini walaupun dalam situasi dunia kita sekarang yang dilanda pandemik COVID-19.

RENUNGAN (2/2)

Dalam injil pada hari ini, perumpamaan tentang penjaga pintu, ia mahu mengingatkan kita betapa pentingnya untuk sentiasa berjaga-jaga. Kita tidak tahu bila Tuhan akan datang, dan kita harus sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada. Walaupun kata-kata Yesus “hati-hatilah dan berjaga-jagalalah!” itu ditujukan kepada para murid-murid-Nya, kita harus sedar bahawa kita yang dibaptis mengakui diri kita sebagai pengikut Kristus dan tergolong sebagai para murid-Nya, “murid masa kini”. Oleh itu, perumpamaan yang di sampaikan oleh Yesus itu bererti untuk kita juga orang-orang yang dibaptis.

Meskipun banyak godaan dan rintangan yang kita lalui hari demi hari, terutama pada masa ini, namun Yesus mengingatkan kita bahawa pentingnya waktu dan kesempatan ini untuk kita gunakan sepenuhnya demi kebaikan bersama menurut kehendak-Nya dan untuk mempersiapkan diri kita sepenuhnya dalam menantikan kedatangan-Nya kali kedua. Jadi, ambillah kesempatan ini, jangan biarkan ia berlalu sebab kita tidak tahu bila masa-Nya akan tiba. Amen.

Sama-sama...

Ya Allah, Bapa yang Mahakudus,
kami bersyukur kerana Engkau menjanjikan Juruselamat,
Yesus Putera-Mu untuk menebus kami dari kegelapan.
Kami mohon rahmat-Mu, agar selama hidup di dunia ini
kami selalu siap sedia dan penuh harapan
menantikan kedatangan-Nya yang mulia.

Ya Yesus, cahaya dan harapan kami, terangi bahagian
dalam hidup kami yang masih berada dalam kegelapan.
Tunjukkan jalan-Mu bagi kami yang mudah tersesat,
siramlah semangat kami yang sering layu,
teguhkanlah iman bagi kami yang masih ragu-ragu,
baharuilah hati kami setiap hari dalam pengharapan,
sambil menanti kedatangan dan penyelamatan-Mu di dunia.
Ya Bonda Maria, doakanlah kami, agar meneladani engkau,
yang taat dan teguh dalam iman,
hingga tiba masa Putera-Mu datang dalam kemuliaanNya.

Amen

Kemuliaan...

kepada Bapa, Putera, dan Roh Kudus, seperti pada
permulaan, sekarang, selalu dan sepanjang segala masa.

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

ADA SERU KEDENGARAN

Ada seru kedengaran
Menimbulkan pengharapan
Terbitlah bintang cemerlang
Gemilang, berterang-terang

Diutus Bapa Anaknya
Mengambil dosa dunia
Hai manusia bangunlah
Tebusan tiba segera

Pencipta alam dunia
Sudi bertubuh mahkluknya
Seliranya membebaskan
Selira yang ditewaskan

Kepada Bapa, pujian
Permuliakan Putera
Roh Kudus pun terpujilah
Pada selama-lamanya
Amen

Pautan Web: <https://youtu.be/dYEETWufAIM>

Untuk aktiviti minggu hadapan, sediakan...


Carilah kata-kata yang boleh meneguhkan seseorang yang ingin kamu teguhkan.

Grateful

Sediakan kertas dan alat tulis. Tuliskan kata-kata peneguhan yang telah kamu pilih dengan tulisan tangan kamu sendiri.



Jika aktiviti ini dilakukan secara komuniti, dapatkan tempat untuk meletakkan kad afirmasi/peneguhan untuk setiap orang dalam komuniti tersebut. Gunakan kreativiti kamu untuk ini.



Pilih kata-kata yang boleh meneguhkan. Nota Peneguhan boleh ditulis seawal yang mungkin dan diletakkan di dalam tempat yang disediakan, dan dibaca pada minggu berikutnya.

*Anna,
Terima kasih kerana selalu mengingatkan saya untuk makan tepat pada masanya! Saya percaya saya sihat kerana Tuhan memberi saya seorang kawan seperti kamu. Tuhan memberkatimu, kawanku :)*

HARI MINGGU KEDUA ADVEN



Damai



NYANYIAN KAROL

Asalnya, lawatan penyanyi karol dari rumah ke rumah merupakan tradisi pesta-pora orang Inggeris, yang dilakukan sebagai ucapan syukur bagi kesihatan dan keuntungan seseorang.

Pada tahun 1223, St. Francis dari Assisi mengambil dan mengadaptasi tradisi ini kepada karol moden. Beliau memperkenalkan karol sebagai nyanyian yang rasmi di gereja semasa Misa Malam Hari Raya Natal yang dirayakan di sebuah gua di Umbria, Itali. Pada malam tersebut iaitu sepanjang Misa Kudus, yang dinyanyikan bukanlah lagu pujian, melainkan lagu karol.

HARI INI KURASA BAHAGIA

**Hari ini ku rasa bahagia
Berkumpul bersama saudara seiman
Tuhan Yesus mempersatukan kita
Tanpa memandang di antara kita**

**Bergandingan tangan dalam kasih
Dalam satu hati
Berjalan dalam terang kasih Tuhan
Kau sahabatku, kau saudaraku
Tiada yang dapat memisahkan kita**

Pautan Web: <https://youtu.be/g8p97CjMlk>



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Sama-sama...

Datanglah Roh Kudus,
penuhilah hati umat-Mu yang hadir disini
dan nyalakan dalam kami, api KasihMu.
Utuslah Roh Kudus-Mu, ya Tuhan,
berilah damai-Mu dihati kami yang sering risau dan ragu ini,
bantulah kami untuk berhenti sebentar dari kesibukan duniaawi
yang menguasai fikiran, hati dan hidup kami
dan yang sering menghalang kami untuk datang
serta duduk diam bersama-Mu.
Datang dan tinggal dalam kami, ya Roh Kudus
agar dalam pertemuan ini, kami semakin mencintai Yesus.
Ya Tuhan, terangilah juga hati kami untuk merenung Sabda-Mu
yang kami dengar, serta berkongsi dan menghidupi-Nya
di hari-hari yang akan datang. Kami mohon ini melalui Yesus,
Tuhan dan Juruselamat kami. Amen.

Bapa kami... Salam Maria...

MARKUS 1: 1-8

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Markus...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Inilah permulaan Injil tentang Yesus Kristus, Anak Allah, seperti yang tersurat dalam kitab Nabi Yesaya: "Ketahuilah, Aku akan menghantar utusan-Ku untuk mendahului-Mu; dia adalah yang akan menyediakan jalan bagi-Mu, satu suara berseru di gurun: 'Sediakanlah jalan untuk Tuhan, luruskanlah jalan untuk-Nya.' "Demikianlah Yohanes muncul di gurun, membaptis orang dan menghabarkan satu baptisan pertaubatan untuk pengampunan dosa. Ramailah orang yang datang dari Yudea dan Yerusalem untuk mendengar kata-kata Yohanes. Mereka mengakui dosa mereka lalu dibaptiskan oleh Yohanes di Sungai Yordan. Yohanes memakai pakaian yang dibuat daripada bulu unta dan tali pinggangnya daripada kulit. Makanannya adalah belalang dan madu gurun. Inilah beritanya: "Seorang yang lebih besar daripadaku akan datang selepasku. Tali kasut-Nya pun tidak layak kuurai. Aku membaptismu dengan air, tetapi Dia akan membaptismu dengan Roh Kudus."

Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.

*Kata Kunci Alkitab [Mrk]

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

RENUNGAN (1/2)

Dalam menantikan atau dalam menghadapi sesuatu kemungkinan, orang selalu membuat persiapan yang secukupnya. Kalau boleh tidak mahu ada yang tertinggal ataupun tersilap. Seperti apa yang kita lalui awal tahun ini bila dunia kita dilanda pandemik COVID-19. Orang ramai berpusu-pusu untuk membeli keperluan harian untuk persediaan jangka pendek maupun jangka panjang. Namun ini hanyalah persiapan ataupun persediaan secara luaran. Dalam iman, kita juga harus melakukan persiapan maupun persediaan dalam menyambut kedatangan Yesus Kristus.

Dan didalam injil hari ini, Yohanes Pembaptis sendiri menyeru kepada kita agar menyiapkan jalan bagi Tuhan dan meluruskan jalan bagi-Nya. Dengan cara hidup yang sederhana, dimana Yohanes memilih padang gurun yang tidak mempunyai apa-apa, jauh dari masyarakat dan keramaian duniawi sebagai tempat persiapannya untuk menyambut kedatangan Yesus. Situasi kita masa sekarang umpama padang gurun, tempat dan masa bagi kita untuk mempersiapkan diri kita menyambut kedatangan Yesus, masa untuk kita merenung kembali kehidupan kita masa lalu dan masa untuk kita mengarahkan hati kita sepenuhnya kepada Tuhan.

RENUNGAN (2/2)

Namun ini tidak akan bermakna sekiranya kita tidak mengakui bahawa Yesus adalah juruselamat. Yohanes Pembaptis dalam hidupnya mengakui bahawa ada seseorang yang lebih berkuasa daripada dirinya iaitu Yesus. “Membuka tali kasutnya pun saya tidak layak”. Ini mengajak kita untuk melihat kembali “Siapakah Yesus bagi saya?”. Adakah selama ini saya melihat Yesus sebagai Juruselamat bila saya gembira sahaja? Atau sebaliknya?

Dalam masa Adven ini, kita bukan sahaja mempersiapkan diri kita untuk menyambut kelahiran Yesus dan menantikan kedatangan-Nya yang kedua kali dengan penuh pengharapan tetapi juga adalah masa pertobatan. Pertobatan bukanlah sekadar menyedari perbuatan tidak baik kita dan mengantikan dengan perbuatan baik, tetapi ia harus diikuti dengan penyesalan yang membawa perubahan terhadap anggapan kita kepada Yesus Kristus. Oleh itu pertobatan adalah jalan utama dan kunci bagi kita untuk mempersiapkan diri kita di dalam menantikan kedatangan Yesus. Jadi mahukah kita membiarkan rumah kita yang kotor dimasuki oleh seorang Raja?... Amen.

Sama-sama...

Ya Allah, Bapa yang Mahakudus, kami bersyukur kepada-Mu kerana melalui penantian kami ini, Engkau menjanjikan Juruselamat yakni Yesus Kristus Putera-Mu.

Kami mohon rahmat-Mu,
agar selama hidup di dunia ini kami selalu siap sedia
dan penuh harapan menantikan kedatangan-Nya yang mulia,
agar pada saat Dia datang nanti, kami Engkau perkenankan
ikut berbahagia bersama Dia dan
seluruh umat kesayangan-Mu.

Ya Yesus, Raja Damai, terangi setiap bahagian dalam hidup
kami yang masih berada dalam kegelapan.

Tunjukkan jalan-Mu bagi kami yang mudah tersesat,
sirumlah semangat kami yang sering layu,
teguhkanlah iman bagi kami yang masih ragu-ragu,
baharuilah hati kami dengan damai-Mu,
ambil menanti kedatangan dan penyelamatan-Mu di dunia.
Ya Bonda Maria, doakanlah kami, agar meneladani engkau,
dalam mengusahakan perdamaian antara sesama,
hingga tiba masa Putera-Mu datang dalam kemuliaanNya.

Amen.

Doa Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

NOTA PENEGUHAN

#1

Cari kata-kata yang boleh meneguhkan seseorang yang dekat dengan kamu. Kata-kata tersebut boleh diambil daripada ayat Alkitab, ayat mutiara dari santo-santa, atau kata-kata yang meneguhkan yang dikarang sendiri. Tip lain untuk si penulis: fikirkan kualiti yang anda boleh lihat dari peribadi si penerima kad kamu. Kongsikan bantuan yang pernah dia berikan kepada kamu. Kamu juga boleh menulis sebuah doa untuknya.

#2

Tulislah kata-kata peneguhan tersebut di sekeping kertas. Lipat dan letakkan di balang/ kotak peneguhan milik si penerima.

#3

Jika kad afirmasi atau peneguhan sudah diberikan sebelumnya, ambil masa untuk membaca kad tersebut.



#4

Doa syukur atau doa permohonan untuk si penulis boleh didoakan selepas membaca kad afirmasi tersebut.

#GLOW4CHRIST

YA ALLAH DAMAI SEJAHTERA

Ya Allah damai sejahtera
Kuduskan aku seluruhnya
Agar roh, jiwa dan tubuhku
Terpelihara sempurna

Hidup kudus dan tak bercacat
DihadapanMu
Mulia, suci pada
kedatanganMu

Hosana, Hosana
Datanglah Tuhan Yesus
Hosana Hosana
Ku merindukanMu

Pautan Web: <https://youtu.be/-MxDKR6WPfw>

Untuk aktiviti minggu hadapan, sediakan...

Jika kamu belum memiliki pokok Krismas, gunakan kreativiti kamu untuk memiliki satu bagi seisi rumah anda, tanpa perlu membeli dari kedai.



Kain, botol, surat khabar, majalah... Siapa tahu kalau kamu memiliki barang lama yang tidak sudah digunakan. Ubahsuai dan manfaatkan sebagai hiasan pokok krismas!



Layari Encik Google jika kamu memerlukan idea untuk membuat Pokok Krismas dan perhiatasannya daripada bahan terpakai.



Sediakan pokok Krismas anda sebelum aktiviti Pemberkatan Pokok Krismas pada minggu berikutnya. Bawa ahli keluarga atau rakan-rakan serumah kamu untuk menyediakannya.

HARI MINGGU KETIGA ADVEN



Sukacita

APA SIMBOLIK POKOK KRISMAS SEBAGAI HIASAN PADA MUSIM NATAL?



Apabila Natal menghampiri, banyak keluarga akan mula mendirikan pokok Krismas di rumah mereka.

Apakah sebenarnya simbolik pokok Natal yang menjadikannya begitu popular semasa musim Adven dan Krismas?

Pokok Krismas merupakan gambaran penantian yang panjang sebelum kedatangan Yesus ke dunia, yang ditunjukkan oleh bintang atau hiasan yang berkilau yang diletakkan di pokok Krismas. Hiasan, lilin dan lampu neon yang dipasang di pokok Krismas pula menggambarkan pemberian dan rahmat Tuhan kepada kita.

AKU SUKA C'RITAKAN

Aku suka c'ritakan pada yang di syurga
Yang penuh kemuliaan hal kasih-Nya Tuhan
Aku suka c'ritakan ker'na benar itu
Yang sungguh menyenangkan sepenuh hatiku

Korus:

*Aku suka c'ritakan, serta puji Nama-Nya
Aku suka masyhurkan Yesus dan kasih-Nya*

Aku suka c'ritakan khabar yang terindah
Yang b'rikan kesukaan lebih dari dunia
Aku suka c'ritakan yang buat ku ceria
Padamu ku khabarkan dan pada dunia

Aku suka c'ritakan khabar dari syurga
Yang b'rikan kemenangan atas s'gala dosa
Aku suka c'ritakan ker'na banyak orang
Yang suka mendengarkan khabar yang b'rikan t'rang

Pautan Web: <https://youtu.be/ZKM30DV-wMc>

PEMBERKATAN POKOK KRISMAS

Se semua membuat Tanda Salib apabila pemimpin mengatakan...

Pemimpin: Diberkatilah Nama Tuhan...

Se semua: ...sekarang dan selama-lamanya.

Bacaan dari Kitab Suci (Yehezkiel 17:22-24)

Beginilah firman Tuhan Allah, "Aku akan mengambil pucuk paling atas daripada pokok araz yang tinggi dan menanamnya. Aku akan memetik pucuk muda daripada pucuk-pucuknya di puncak dan Aku akan menanamnya di atas sebuah gunung yang menjulang tinggi. Di atas gunung Israel yang tinggi Aku akan menanamnya. Dia akan mengeluarkan cabang, menghasilkan buah, dan menjadi pokok araz yang hebat. Semua burung, iaitu segala yang bersayap, akan berdiam di bawahnya. Mereka akan berdiam di naungan carang-carangnya. Segala pokok di padang akan tahu bahawa Aku, Tuhan, telah merendahkan pokok yang tinggi dan meninggikan pokok yang rendah, mengeringkan pokok yang segar dan membuat pokok yang kering bertunas kembali. Aku, Tuhan, telah berfirman dan akan melaksanakannya."

#GLOW4CHRIST

PEMBERKATAN POKOK KRISMAS

Pemimpin:

Allah Tuhan kami, kami memuji Engkau kerana cahaya dari ciptaan-Mu; matahari, bulan dan bintang pada malam hari. Kami memuji Engkau kerana cahaya bagi Israel; Hukum-hukum, Nabi-nabi, dan Kebijaksaan Kitab Suci. Kami memuji Engkau kerana Yesus Kristus, Putera-Mu; Dialah Immanuel, Allah-berserta-kami, Raja Damai, yang memenuhi kami dengan KasihMu.

Ya Tuhan, curahkanlah berkat-Mu ke atas kami yang memberi sinar kepada pokok Natal ini. Semoga terang dan keriangan yang dipancarkannya menjadi tanda sukacita yang memenuhi hati kami. Semoga semua yang bergembira kerana pokok Natal ini tahu dan bersukacita akan ketibaan penyelamatan.

Semua: Amen.

#GLOW4CHRIST



TANDA SALIB *Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*

Sama-sama...

Datanglah Roh Kudus,
penuhilah hati umat-Mu yang hadir disini
dan nyalakan dalam kami, api KasihMu.
Datang dan tinggal dalam kami, O Roh Kudus,
berilah sukacita-Mu di hati kami yang sering berduka
akibat dosa dan kelemahan kami,
terangilah hati kami agar dapat sungguh-sungguh berdoa,
serta semakin mencintai Yesus melalui pertemuan kami ini.
Ya Tuhan, terangilah juga hati kami untuk merenung
Sabda-Mu yang kami dengar, serta berkongsi dan
menghidupi-Nya di hari-hari yang akan datang.
Kami mohon ini melalui Yesus, Tuhan dan Juruselamat kami.
Amen.

Bapa kami...

Salam Maria...

YOHANES 1: 6-8, 19-28

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Yohanes...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Allah mengutus seorang bernama Yohanes. Dia datang untuk memberikan kesaksian tentang cahaya itu, supaya semua orang akan percaya melalui Dia. Dia sendiri bukanlah cahaya itu, dia datang untuk memberikan kesaksian tentang-Nya. Itulah cahaya benar yang menerangi setiap manusia, sedang mendatangi dunia.

Inilah kesaksian Yohanes, apabila orang Yahudi di Yerusalem mengutus para imam dan orang Lewi untuk bertanya kepadanya, "Siapakah kamu?" Yohanes mengaku, "Aku bukanlah Kristus." Mereka bertanya, "Jadi, kamu ini siapa? Elia?". "Bukan," jawabnya. "Adakah kamu Nabi?" Dia menjawab, "Bukan." Kemudian mereka berkata, "Siapakah kamu? Katakanlah, supaya kami dapat menyampaikan jawapan kepada orang yang mengutus kami. Menurut katamu sendiri, kau ini siapa?"

bersambung dihalaman seterusnya...

*Kata Kunci Alkitab [Yoh]

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

YOHANES 1: 6-8, 19-28

Yohanes menjawab, "Aku ini satu suara yang berseru di gurun, 'Luruskanlah jalan untuk Tuhan,' sebagaimana kata Nabi Yesaya." Antara orang yang diutus itu ada beberapa orang Farisi. Mereka terus menyoal, "Mengapakah kamu membaptis orang, kiranya kamu bukan Kristus, bukan Elia dan bukan pula Nabi?" Yohanes menjawab, "Aku membaptis dengan air, tetapi dalam kalanganmu ada seorang yang tidak kamu kenali, iaitu Dia yang datang selepasku. Aku tidak layak mengurai tali kasut-Nya pun." Semua ini terjadi di Betania, di seberang Sungai Yordan; di situ lah Yohanes membaptis orang.



Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.

RENUNGAN (1/2)

“Penantian satu penyeksaan”. Inilah ungkapan yang selalu dikatakan orang bila menunggu kedatangan seseorang. Tetapi bila seseorang menanti dengan penuh harapan dan kepercayaan, maka penantian itu menjadi suatu kegembiraan yang membawa sukacita yang mendalam.

Hari ini, kita memasuki minggu ke-3 musim Adven, minggu *Gaudete* ataupun minggu sukacita. Ini bermakna, ada sukacita semasa penantian kita untuk menantikan kedatangan Yesus yang akan tiba. Di dalam injil hari ini, Yohanes Pembaptis memberi kesaksian dihadapan orang ramai di sungai Yordan yang menegaskan bahawa dia bukanlah Mesias, tetapi Yesus-lah Mesias yang ditunggu-tunggu. Yohanes mengakuinya dengan penuh kejujuran dan penuh kerendahan hati akan hakikat sebenar dirinya dan tentang Yesus, dia tidak mengambil kesempatan, sebab itu ia mengatakan “membuka tali kasut-Nya pun saya tidak layak”. Kejujuran dan kerendahan hati Yohanes Pembaptis mengajak kita untuk merenung di dalam diri kita sendiri.

RENUNGAN (2/2)

Sejauh mana kejujuran kita? Dan sedalam mana kerendahan hati kita di dalam masa penantian kita dan pertobatan kita? Adakah persiapan dan pertobatan kita ini benar-benar dari kedalaman hati kita ataupun hanya setakat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Katolik?

Dalam situasi dunia kita sekarang, tidak dinafikan bahawa banyak cabaran dan godaan yang datang, namun ini bukanlah satu perkara yang boleh menghalang kita dari bersikap jujur dan rendah hati di dalam persiapan dan penantian kita akan Yesus Kristus. Marilah kita menjalani masa Adven ini dengan penuh kejujuran dan kerendahan hati agar kita layak menyambut Dia yang kita nanti-nantikan pada Natal nanti dan pada hari kedatangan-Nya yang kedua kali. Amen.

Sama-sama...

Ya Allah, Bapa yang Mahakudus,
kami bersyukur kepada-Mu
kerana melalui penantian kami ini Engkau menjanjikan
Juruselamat yakni
Yesus Kristus Putera-Mu.

Ya Yesus, sumber sukacita sejati,
terangi setiap bahagian dalam hidup kami
yang masih berada dalam kegelapan,
tunjukkan jalan-Mu bagi kami yang mudah tersesat,
siramlah semangat kami yang sering layu,
teguhkan iman bagi kami yang masih ragu-ragu,
dan sambil menanti kedatangan-Mu yang kedua kali,
baharuilah hati kami dengan sukacita sejati.
Kami berdoa semuanya ini hanya dalam nama Yesus, Tuhan
dan Juruselamat kami. Amen

Doa Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...
Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB *Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*

O, DATANGLAH IMMANUEL

O datanglah Immanuel, tebus umat-Mu Israel
Yang dalam berkeluh-kesah,
menantikan penolong-Nya
Bersoraklah hai Israel,
menyambut Sang Immanuel

O, datanglah pengharapan, menyatukan umat Tuhan
Menghapuskan permusuhan,
b'ri damai dan pengharapan
Bersoraklah hai Israel,
menyambut sang Immanuel

Bersoraklah hai Israel, menyambut sang Immanuel

Pautan Web: https://youtu.be/8RZia_BLW5A

Untuk aktiviti minggu hadapan, sediakan...

Sediakan palungan sederhana, mengikut kreativiti kamu.



Sediakan patung / potret / ikon / figurin bagi watak berikut: Bayi Yesus, Bonda Maria, Yusuf, Domba, Keldai, para gembala, dan para ilmuan. Bagi watak Domba, Keldai & para gembala, tiga magi; tidak apa jika tidak dapat menyediakan semua watak tersebut.



Sebelum pemberkatan palungan pada pertemuan doa seterusnya, persiapkan palungan Yesus tanpa meletakkan patung / gambar / ikon bayi Yesus.

HARI MINGGU KEEMPAT ADVEN



Kasih

BAGAIMANA BABAK KELAHIRAN YESUS BERMULA?



Diinspirasi dari lawatannya ke tempat kelahiran Yesus di Tanah Suci, St. Francis dari Assisi merupakan orang pertama yang mencipta babak Kelahiran Yesus, iaitu pada tahun 1223. Pada masa itu, beliau menggunakan babak hidup yang terdiri daripada manusia dan haiwan sebenar. Bagi Santo Francis, peristiwa dan watak utama sepanjang Natal adalah kelahiran Yesus sendiri, bukan hadiah atau pun pemberian berbentuk material. Babak yang indah ini telah memberi inspirasi kepada Katolik di seluruh dunia untuk ikut memaparkan babak yang sama di gereja mahupun kediaman sendiri.

BEGITU INDAH

Begitu indah terjalin mesra
Satu dalam kasih kita bersaudara
Begitu indah terjalin mesra
Satu dalam kasih kita bersaudara

Chorus:

Di dalam kasih Yesus
Kita bersaudara
Tanpa ada rasa curiga
Dan saling terbuka

Di dalam kasih Yesus
Kita bersaudara
Mari kita jalin bersama
Sampai Tuhan Yesus datang
kedua kalinya

Pautan Web: <https://youtu.be/mL7xDxCPnoY>

PEMBERKATAN PALUNGAN

Semua membuat Tanda Salib apabila pemimpin mengatakan...

Pemimpin: Pertolongan kita datang dari Allah yang Mahakuasa,

Semua: ...yang mencipta langit dan bumi.

Bacaan dari Kitab Suci (Lukas 2:1-8)

Pada masa itu Kaisar Agustus menitahkan semua penduduk di seluruh dunia dibanci. Ketika pembancian pertama dilaksanakan, Kurenius menjadi gabenor di Siria. Dalam pembancian tersebut, setiap orang perlu kembali ke tempat lahir masing-masing untuk mendaftarkan diri. Oleh itu, Yusuf terpaksa berangkat dari bandar Nazaret di Galilea ke kota Daud yang bernama Betlehem di Yudea kerana dia daripada keturunan Daud. Dia pergi untuk mendaftarkan diri bersama Maria, tunangnya yang sedang hamil. Sewaktu mereka di sana, tibalah masanya untuk dia bersalin. Dia melahirkan seorang anak lelaki, iaitu anak sulungnya. Dia membedung anak itu lalu membaringkan-Nya di dalam sebuah palungan kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah tumpangan. Di daerah itu ada beberapa orang gembala yang bermalam di padang kerana menjaga domba mereka.

#GLOW4CHRIST

PEMBERKATAN PALUNGAN

Pemimpin:

Tuhan semua bangsa dan manusia, sejak dari awal penciptaan, Engkau telah menyatakan Kasih-Mu apabila kami sungguh-sungguh memerlukan kehadiran seorang Penyelamat. Engkau menghantar Putera-Mu ke dunia melalui rahim Bonda Perawan Maria; dan dalam hidup kami, kehadiran-Nya membawa sukacita dan damai, keadilan, kerahiman, dan kasih.

Ya Allah, berkatilah siapa pun yang memandang palungan kelahiran Yesus ini; agar kami selalu mengingat akan kesederhanaan Kelahiran Yesus, dan mengangkat kesedaran ini kepada-Nya, Allah-yang-menysertai kami dan Juruselamat semua bangsa, yang hidup dan berkuasa selama-lamanya.

Semua: Amen.

#GLOW4CHRIST





TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Sama-sama...

Datanglah Roh Kudus,
penuhilah hati umat-Mu yang hadir disini
dan nyalakan dalam kami, api KasihMu.
Datang dan tinggal dalam kami, O Roh Kudus,
baharuilah hati kami dengan Kasih-Mu,
ajarilah kami mengasihi sesama dan mengasihi diri kami,
seperti Engkau yang lebih dahulu mengasihi kami,
terangilah juga hati kami untuk sungguh-sungguh berdoa,
serta semakin mencintai Yesus melalui pertemuan kami ini.
Ya Tuhan, terangilah juga hati kami untuk merenung
Sabda-Mu yang kami dengar, serta berkongsi
dan menghidupinya di hari-hari yang akan datang.
Kami mohon ini melalui Yesus, Tuhan dan Juruselamat kami.
Amen.

Bapa kami...

Salam Maria...

LUKAS 1: 26-38

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Lukas...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Dalam bulan yang keenam, malaikat Gabriel diutus Allah ke Nazaret, sebuah kota di jajahan Galilea, kepada seorang anak dara yang telah bertunang dengan seorang lelaki yang bernama Yusuf daripada keturunan Raja Daud. Nama anak dara itu ialah Maria. Malaikat itu datang kepadanya lalu berkata, "Salam kepadamu yang amat direndai! Tuhan bersamamu!" Hati Maria runting mendengar kata-kata itu dan dia tertanya-tanya akan maksud salam tersebut. Seterusnya malaikat itu berkata kepadanya, "Janganlah takut, hai Maria, kerana engkau telah direndai Allah. Engkau akan hamil dan melahirkan seorang anak lelaki. Engkau hendaklah menamai-Nya Yesus. Dia akan menjadi mulia dan Dia akan digelar Anak Allah Yang Maha Tinggi. Tuhan Allah akan mengurniakan takhta Daud, nenek moyang-Nya itu kepadanya-Nya. Dia akan merajai keturunan Yakub selama-lamanya; dan kerajaan-Nya berkekalan."

bersambung dihalaman seterusnya...

**Kata Kunci Alkitab [Luk]*

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

LUKAS 1: 26-38

Lalu Maria berkata kepada malaikat itu, "Bagaimanakah perkara ini dapat berlaku, sedangkan aku masih dara?" Malaikat itu menjawab, "Roh Kudus akan turun ke atasmu, dan kuasa Allah Yang Maha Tinggi akan menaungimu. Oleh itu, anak suci yang akan dilahirkan akan digelar Anak Allah. Tambahan pula, saudaramu Elisabet yang dahulu dikatakan mandul pun telah hamil enam bulan walaupun dia sudah tua. Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil." Maria berkata, "Aku ini hamba Tuhan. Semoga terjadilah kepadaku seperti yang engkau katakan itu." Lalu malaikat pun meninggalkannya.

*Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...
Sahutan : Terpujilah Kristus.*



RENUNGAN (1/2)

Sebelum telefon pintar wujud, selalunya orang akan mengutus surat kepada seseorang untuk menyampaikan berita atau bertanyakan khabar. Dan bila seseorang menerima sepucuk surat yang dia tidak ketahui dari siapa dan apa kandungannya, memang dia akan merasa tertanya-tanya, terkejut dan terasa ingin tahu apa kandungannya. Begitu juga bila kita didatangi oleh seseorang yang kita tidak kenal, bermacam perasaan akan timbul didalam hati dan fikiran kita. Begitu juga Maria di dalam injil Lukas hari ini, dia dikunjungi dan menerima khabar gembira dari Malaikat Gabriel yang dia tidak kenali.

Dalam minggu terakhir musim adven sebelum kita merayakan Natal, kita diajak untuk merenung keperibadian Maria yang juga manusia biasa seperti kita namun dia mahu mendengar Sabda Tuhan serta menghayatinya dan memberikan dirinya seadanya kepada Tuhan. Sememangnya ini adalah inisiatif Tuhan untuk memilih Maria dengan mengutus Malaikat Gabriel kepadanya. Begitu juga dengan kita, kita dipilih, dipanggil dan dikunjungi, namun adakah kita menyadarinya, mendengarkannya, menghayatinya dan menyatakan YA kepada Tuhan?

RENUNGAN (2/2)

Kerana kata-kata Maria “Aku ini hamba Tuhan, terjadilah kepadaku menurut perkataan-Mu” maka penyelamatan Tuhan kepada manusia dapat diteruskan. Melalui ayat tersebut, dapat dilihat dengan jelas kerendahan hati Maria untuk mendengar Sabda Tuhan dan memberikan dirinya untuk mengandung dan melahirkan Yesus yang sehingga sekarang kita ada ditengah kita. Maria adalah model sempurna bagi kita tentang bagaimana mendengar Sabda Tuhan dan menghayatinya. Namun bagaimanakah penyelamatan ini dapat diteruskan pada zaman sekarang? Siapa yang akan meneruskannya?

Perayaan Natal akan tiba dalam beberapa hari lagi, adakah perayaan ini sekadar satu keramaian yang selalu kita rayakan seperti tahun-tahun sebelum atau setakat memperingati kelahiran Yesus sahaja. Perayaan Natal hanya bererti bila kita mendengarkan Sabda Tuhan, menurutnya dengan rendah hati dan menyatakan YA kepada rencana Tuhan serta memberikan diri kita untuk mengandung dan melahirkan Yesus agar orang lain juga dapat merasakannya. Dan bukan waktu Natal sahaja tetapi setiap saat didalam kehidupan kita. Oleh itu, marilah pada masa Adven ini, kita mempersiapkan diri, mendengar Sabda Tuhan, merendahkan hati dan memberikan diri kita kepada Tuhan agar kita juga dapat mengatakan “aku ini hamba Tuhan, terjadilah kepadaku menurut perkataan-Mu”. Amen.

Sama-sama...

Ya Allah, Bapa yang Mahakudus, kami bersyukur kepada-Mu kerana melalui penantian kami ini Engkau menjanjikan Juruselamat yakni Yesus Kristus Putera-Mu. Kami mohon rahmat-Mu, agar selama hidup di dunia ini kami selalu siap sedia dan penuh harapan menantikan kedatangan-Nya yang mulia, agar pada saat Dia datang nanti, kami Engkau perkenankan ikut berbahagia bersama Dia dan seluruh umat kesayangan-Mu. Ya Yesus yang Pengasih dan Penyayang, terangi setiap bahagian dalam hidup kami yang masih berada dalam kegelapan.

Tunjukkan jalan-Mu bagi kami yang mudah tersesat, siramlah semangat kami yang sering layu, teguhkan iman bagi kami yang masih ragu-ragu, baharuilah hati kami dengan damai-Mu, sambil menanti kedatangan dan penyelamatan-Mu di dunia.

Ya Bonda Maria, Bonda yang penuh Belas kasihan, doakanlah kami agar dapat ikut serta mengasihi dan mencintai sesama dengan tulus, hingga tiba masa Putera-Mu datang dalam kemuliaan-Nya. Amen

Doa Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

APA KITA HIDUP DEKAT YESUS

Apa kita hidup dekat Yesus
Dalam kesibukan hidup kita?
Sehingga dunia melihat Yesus
Di dalam hidup kita?

Korus:

*Apa dunia lihat Yesus
Dalam aku, engkau juga?
Dalam kasihmu itu,
Dalam bakti hidupmu
Apa dunia lihat Yesus?*

Apa, kita nyatakan kasih-Nya
Pada semua orang yang berdosa?
Maukah kita menolong mereka
Dari binasa dosa

Apa hidup kita menyatakan
Perkataan serta perbuatan?
Yang menarik atau menyesatkan
Orang yang cari s'lamat'

Pautan Web: https://youtu.be/_uyfraQmeHs

Untuk aktiviti minggu hadapan...

Rancanglah menu dan sediakan resepi yang hendak dihidang pada pertemuan doa seterusnya. Kongsi rancangan anda dan bahagikan tugas untuk sama-sama menyiapkan hidangan tersebut nanti!



HARI RAYA BESAR NATAL



Kemuliaan

PANGGILAN 'CHRISTMAS' BAGI PESTA KELAHIRAN YESUS



Perkataan '*Christmas*' atau Krismas dalam bahasa Melayu, diambil daripada perkataan kuno bahasa Inggeris, iaitu *Mass of Christ* atau *Christ's Mass*.

MALAK BERGEMAR

Merdu suara malak
irama syurgawi puji, Tuhan ditinggi
Ribu beribu malak
angkatlah suara puji, Tuhan ditinggi

Korus:

*Malak nyanyi bergemar
Bernyanyi bergemar
Di langit nan tinggi
Hormat pujian bagi Tuhan
Di tempat nan tinggi
Hormat pujian*

Lekas gembala berlari
Bergegas cepat-cepat
Lawati Yesus
Tidur di kandang hina
Terbaring di palung keji
Raja malaikat

Pautan Web: <https://youtu.be/-h7q62ltS8w>



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Sama-sama...

Allah Bapa Syurgawi,
kami memuji Engkau dan bersyukur kepada-Mu
kerana dengan Kasih-Mu, Engkau mengutus Putera-Mu,
Yesus Kristus untuk menjadi Juruselamat manusia.
Dengan kelahiran-Nya di dunia ini,
Engkau yang tak dapat dilihat,
kini kelihatan sebagai manusia seperti kami,
dan cahaya kemuliaan-Mu bersinar di tengah kami,
mengusir kegelapan yang menguasai kami.
Curahkanlah rahmat-Mu kepada kami
agar berani menjadi saksi dan pengikut-Mu
yang memancarkan Kemuliaan-Mu
melalui perbuatan, perkataan dan fikiran kami setiap hari.
Dengan hati yang penuh sukacita kami serahkan semua ini
hanya di dalam nama Yesus, Tuhan dan Juruselamat kami.
Amen.

Bapa kami... Salam Maria...

LUKAS 2: 6-14

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Lukas...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Sewaktu mereka di sana, tibalah masanya untuk dia bersalin. Dia melahirkan seorang anak lelaki, iaitu anak sulungnya. Dia membedung anak itu lalu membaringkan-Nya di dalam sebuah palung kerana tidak ada tempat bagi mereka di rumah tumpangan. Di daerah itu ada beberapa orang gembala yang bermalam di padang kerana menjaga domba mereka. Tiba-tiba malaikat Tuhan muncul di hadapan mereka dan kemuliaan Tuhan menerangi mereka, lalu mereka ketakutan. Tetapi malaikat itu berkata kepada mereka, "Jangan takut! Aku membawa kepadamu berita baik yang akan memberikan suka cita besar kepada seluruh umat. Pada malam ini di kota Daud telah lahir seorang Penyelamat bagimu, iaitu Kristus, Tuhan. Inilah tandanya bagimu: Kamu akan menjumpai seorang anak yang dibedung dan dibaringkan di dalam sebuah palung." Tiba-tiba malaikat itu disertai oleh satu angkatan syurga yang besar memuji-muji Allah: "Kemuliaan bagi Allah di tempat yang maha tinggi dan damai sejahtera di bumi bagi orang yang berkenan pada hati-Nya."

Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.



*Kata Kunci Alkitab [Luk]

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

RENUNGAN

Kelahiran Yesus adalah ‘terang besar’ bagi bangsa yang berjalan dalam kegelapan (Yes 9: 1). Kegelapan juga disebut dosa, kejahatan, hukuman dan kematian. Sementara ‘TERANG’ pula adalah sesuatu yang baik seperti pengampunan, sukacita, kebenaran dan kehidupan kekal. Jadi kedatangan Yesus ke dunia adalah sebagai “TERANG”. Dialah TERANG itu. Allah berjumpa dengan manusia dalam diri Yesus Kristus. Perjumpaan ini membawa sukacita yang menyelamatkan. Inilah peristiwa Natal yang kita rayakan. Kegelapan malam berubah menjadi terang ketika Malaikat bertemu para gembala untuk menyampaikan khabar gembira kelahiran Yesus. ‘Kemudian, mereka pun bergegas ke Bethlehem, untuk melihat bayi Yesus’, (Lk 2:16). Sikap para gembala yang ‘bergegas’ ini dapat menginspirasikan kita untuk menerima kelahiran Yesus dalam hati kita masing-masing dan kebahagian Natal ini adalah merupakan pertemuan peribadi kita dengan Yesus sebagai Juruselamat. Adakah saya benar-benar percaya dan dapat menerima Yesus sebagai Juruselamat saya?

Sama-sama...

Allah Bapa yang Mahamulia,
Sabda-Mu telah menjadi manusia dalam Tubuh Putera-Mu,
Yesus Kristus untuk menerangi kami dengan cahaya baru.
Dalam masa yang sungguh merisaukan dan membingungkan
dimana keadaan menjadi tidak menentu
dengan suasana pandemik dan politik di negara ini,
kami mohon semoga cahaya baru
yang kami terima di Hari Natal ini,
memberi kekuatan yang baru kepada kami
untuk terus meletakkan harapan kepada-Mu
dan tetap setia di dalam doa.
Semoga iman itu kami nyatakan juga
dalam tingkah laku kami.
Dengan perantaraan Bonda Maria,
kami berdoa semua ini hanya di dalam nama Yesus Kristus
Tuhan dan Juruselamat kami. Amen

Doa Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

DAMAI

Hai gembala, dengarkanlah khabar indah bagimu
Datanglah menuju gua, menghadap Allah Put'ra
Damai, damai, damailah senantiasa
Bagi umat pilihan...

Jangan takut, jangan cemas, kubawa warta syurga
Kabut dosa akan musnah, oleh Cinta Ilahi
Damai, damai, damailah senantiasa
Bagi umat pilihan...

Lahirlah Juruselamat, dalam kandang yang hina
Membawa damai sejati, bagi umat manusia
Damai, damai, damailah senantiasa
Bagi umat pilihan.

Pautan Web: <https://youtu.be/N3ypDs05uhs>

MAKAN BERSAMA

#1

Sediakan makanan anda bersama-sama. Ambil peranan dalam mencuci pinggan, menyediakan pinggan-sudu, mengangkat makanan, menyediakan meja makan atau apa perkara sekalipun, yang penting - lakukan dengan kasih dan tanpa keluhan :)



#2

Doakan doa makan ini bersama-sama:

Allah yang Mahamurah, kami bersyukur atas makanan ini. Berkatilah kami semua dan makanan ini agar mampu memberi kesihatan kepada tubuh kami. Semoga dalam perjamuan ini, kami semua memperolehi semangat persaudaraan dan persatuan yang semakin erat. Semoga aktiviti ini mengingatkan kami akan peristiwa perjamuan Yesus Kristus dengan murid-murid-Nya - yang juga adalah tanda kehadiran-Nya ditengah kami melalui Ekaristi hidup yang tidak dapat kami terima secara fizikal hari ini. Dialah Tuhan pengantara kami kini dan sepanjang masa. Amen

#3

Setelah selesai makan, ucapkan doa syukur bersama-sama. Setelah itu, bersihkan juga meja makan bersama-sama.



#GLOW4CHRIST

HARI RAYA KELUARGA KUDUS



Kebbersamaan

APAKAH PERANAN YUSUF DALAM PERISTIWA KELAHIRAN YESUS?



Sama seperti Yesus dan Bonda Maria, Yusuf juga adalah seorang peribadi yang kudus kerana dia adalah sebahagian daripada Keluarga Kudus dari Nazaret, peribadi yang mempersiapkan kelahiran Yesus dan membimbing-Nya sehingga Yesus dipersembahkan di Bait Allah. Ini adalah peranan Yusuf dalam peristiwa kelahiran:

Semasa perjalanan Keluarga Kudus ke Nazaret, Yusuf dikunjungi oleh malaikat dalam mimpiannya yang memberi amaran untuk menukar arah perjalanannya daripada Herod yang berniat untuk membunuh bayi Yesus (yang dinubuatkan akan menjadi Raja).

SANTO YOSEF YANG MENJAGA

Santo Yusuf yang menjaga keluarga Nazaret,
Kau piara Bunda Allah, juga Yesus Penebus.
Sudilah doakan kami pada Yesus, anakmu;
Dan lindungilah selalu kami sekeluarga.

Di tengah marabahaya beri kami harapan
Teguhkanlah iman kami, agar jangan tersesat
Bapa Yosef, hantar kami ke hadirat Yesusmu;
Agar kelak berbahagia sertamu selamanya.

Pautan Web: <https://youtu.be/2eWPTB9egT8>



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Sama-sama...

Datanglah Roh Kudus,
penuhilah hati umat-Mu yang hadir disini
dan nyalakan dalam kami, api KasihMu.
Datang dan tinggal dalam kami, o Roh Kudus,
bantulah kami dengan semangat untuk mengasihi sesama
meskipun memiliki perbezaan,
bimbinglah kami dalam mengusahakan kedamaian
dan kesatuan antara sesama,
terutama di dalam keluarga kami sendiri.
Ya Tuhan, terangilah juga hati kami untuk merenung
Sabda-Mu yang kami dengar,
serta berkongsi dan menghidupi-Nya
di hari-hari yang akan datang.
Kami mohon ini melalui Yesus, Tuhan dan Juruselamat kami.
Amen.

Bapa kami...

Salam Maria...

LUKAS 2: 22, 39-40

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Lukas...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Setelah tamat masa penyucian mengikut hukum Taurat Musa, mereka pun membawa Yesus ke Yerusalem untuk mempersembahkan-Nya kepada Tuhan.

Setelah ibu bapa-Nya menunaikan segala yang wajib menurut Hukum Tuhan, mereka pulang ke kota Nazaret, kota tempat tinggal mereka di Galilea. Anak itu semakin membesar dan bertambah kuat serta penuh dengan kebijaksanaan. Kasih kurnia Allah ada pada-Nya.

Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.



***Kata Kunci Alkitab [Luk]**

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

RENUNGAN

Maria dan Yusuf membawa bayi Yesus ke Yerusalem untuk mempersembahkanNya kepada Allah seperti yang dinyatakan didalam undang-undang Taurat. Kemudian, dari situ, Yesus terus bertumbuh dalam keluarga, bertambah besar dan menjadi kuat, penuh dengan kebijaksanaan dan kasih karunia Allah ada padaNya. Perpaduan atau kesatuan Allah dengan manusia benar-benar wujud sehingga Allah rela menjadi manusia dalam diri Yesus, yang bersedia memberikan hidupNya untuk menjadi ‘Terang’ yang menyelamatkan manusia.

Melalui pembacaan hari ini, kita dijemput agar dapat membuka mata untuk melihat keselamatan dalam diri Yesus yang benar-benar Allah dan benar-benar manusia. Kita belajar dari Keluarga Kudus yang mempersembahkan bayi Yesus kepada Allah, supaya kita juga benar-benar dapat mempersembahkan diri kita ini untuk melayani Tuhan dengan melayani sesama. Adakah saya bersedia mempersembahkan diri saya kepada rencana Tuhan?

Sama-sama...

Ya Bapa,
bersama dengan keluarga kudus-Mu di Nazaret,
kami ingin berdoa kepada-Mu.

Jadikanlah kami seperti mereka yang setia
dalam tugas hidup berkeluarga.

Jadikanlah kami seperti mereka yang sabar
dalam mengatasi dugaan hidup berkeluarga.

Jadikanlah kami seperti mereka yang tekun
dalam iman kami terhadap Engkau,

Terang yang menyelamatkan.

Jadikanlah kami seperti mereka
yang tekun berharap akan keselamatan
yang Kau janjikan.

Jadikanlah kami seperti mereka yang tekun
dalam cinta kasih kepada-Mu dan sesama.

Yesus, Maria, dan Yusuf,
semoga kami dapat menjadi separtimu,
yang setia, sabar dan tekun dalam iman, harapan dan
kasih. Amen

Doa Kemuliaan...

BERDOA DIHADAPAN PALUNGAN YESUS

#1

Luangkan masa untuk berlutut di hadapan palungan/babak kelahiran Yesus dan menghayati peristiwa kelahiran Juruselamat kita.

Bersembanglah dengan Yesus dalam doa. Sampaikan permohonan dan rasa syukur kamu kepada-Nya.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

#GLOW4CHRIST



PARA MALAIKAT BERNYANYI

Para malaikat bernyanyi di tengah malam sepi,
Bergema di padang sunyi warta suka syurgawi

Glo-ria in excelsis Deo...Glo-ria in excelsis Deo.

Tampaklah utusan syurga yang bersinar mulia,
Penggembala pun takutlah menyaksikan sinarnya

Glo-ria in excelsis Deo...Glo-ria in excelsis Deo.

Hari ini lahir Kristus, Jurus'lamat dunia,
Bayi yang terbungkus lampin, di palungan tidur-Nya.

Glo-ria in excelsis Deo...Glo-ria in excelsis Deo.

Dan gembala pun pergilah, kota Daud arahnya,
Mari kita pun memuji dan bernyanyi tak henti.

Glo-ria in excelsis Deo...Glo-ria in excelsis Deo

Pautan Web: <https://youtu.be/5BiDtKkldyc>

HARI RAYA MARIA, BONDA KRISTUS



“Ya”

MEMULAI TAHUN BARU BERSAMA BONDA MARIA!



Tahukah kamu bahawa bagi umat Katolik, 1 Januari setiap tahun didedikasikan untuk Bonda Maria?

Tradisi ini bermula pada tahun 1965 dan diangkat sebagai 'pesta' bagi mengingat dan merayakan ke'ibu'an Bonda Maria kepada Yesus Kristus dan kepada kita semua.

AVE MARIA

Engkau yang dipilih Allah Bapa di syurga
Untuk melahirkan Put'ra-Nya yang kudus
Engkaulah bunda Kristus
Bunda sang penebus s'gala dosa manusia

Bunda Maria p'rawan yang tiada bernoda
Hatimu bersinar putih tiada tercela
Engkau Bunda Masehi
Yang diangkat ke syurga penuh kemuliaan

Reff:

*Ave Maria, Ave Maria
Terpujilah Bunda
terpuji namamu
Sepanjang segala masa
Ave Maria, Ave Maria
Syukur kepada-Mu Tuhan yang Pengasih
S'lama-lamanya*

Pautan Web: <https://youtu.be/NGc5q0cgPtl>



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

Pemimpin: Maria diberi khabar oleh malaikat Tuhan,

Sahutan: ...bahawa ia akan mengandung dari Roh Kudus.

Salam Maria...

Pemimpin: Aku ini hamba Tuhan,

Sahutan: ...terjadilah padaku menurut perkataan-Mu.

Salam Maria...

Pemimpin: Sabda sudah menjadi daging...

Sahutan: ...dan tinggal diantara kita.

Salam Maria...

Pemimpin: Doakanlah kami, ya Santa Bonda Allah,

Sahutan: ...supaya kami layak menikmati janji Kristus.

Marilah berdoa:

Ya Allah, kerana khabar malaikat kami mengetahui bahawa Yesus Kristus Putera-Mu menjadi manusia; curahkanlah rahmat-Mu ke dalam hati kami, supaya kerana sengsara dan salib-Nya, kami dibawa kepada kebangkitan-Nya yang mulia, sebab Dialah Tuhan, pengantara kami. Amen

LUKAS 2: 16-21

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Lukas...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Mereka pergi dengan segera lalu menjumpai Maria dan Yusuf serta bayi itu yang sedang terbaring di dalam palung. Setelah melihat bayi itu, mereka pun memberitahu segala yang telah dikatakan kepada mereka tentang anak itu. Semua yang mendengar berasa kagum tentang apa yang dikatakan oleh gembala-gembala itu kepada mereka; tetapi Maria menyimpan segala perkara ini dalam hatinya dan merenungnya. Kemudian gembala-gembala itu pulang sambil memuji-muji Allah atas segala yang didengar dan dilihat mereka. Segalanya seperti yang dikatakan kepada mereka. Lapan hari kemudian, tibalah masanya untuk menyunatkan bayi itu, lalu Dia diberi nama Yesus, seperti yang dikatakan oleh malaikat sebelum Dia dikandung oleh Maria.

Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...

Sahutan : Terpujilah Kristus.



***Kata Kunci Alkitab [Luk]**

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

RENUNGAN

1hb Januari 2021... hari ini Gereja mengajak kita untuk menghadap Allah agar kita dapat melihat bahawa Allah memberkati, melindungi, memelihara dan memberikan kita kedamaian. Kenapa? Kerana bila kita menghadap dan memandang wajah Allah setiap hari, ini akan memberikan kita semangat baru untuk melangkah, bekerja, belajar, tetap bertekun dalam menghadapi dan menangani segala cabaran dan ujian hidup, sama ada dalam keluarga, tempat kerja, mahupun di sekolah, kolej, institusi dan universiti. Dengan menyedari kehadiran Allah di setiap saat dalam hidup kita, membuat kita berani menghadapi apa pun juga rintangan hidup, bertahan dan cekal dalam kejujuran dan kebaikan kita.

Bonda Maria pada hari ini memberikan teladan kepada kita agar kita peka pada tanda-tanda kehadiran Bapa, melalui pelbagai peristiwa atau kejadian dalam hidup kita, iaitu seperti melalui orang-orang yang kita temui setiap hari, orang-orang yang sederhana dan kecil atau miskin (seperti para gembala itu), orang-orang yang tidak diterima oleh masyarakat. Marilah pada hari ini dan pada hari-hari yang mendatang, kita muhu mensyukuri peristiwa-peristiwa kecil dalam hidup kita, sama seperti Bonda Maria yang ‘menyimpan semua perkara itu dalam hatinya dan merenungkannya’. Kita belajar untuk sentiasa berusaha untuk peka akan bisikan Roh Kudus dalam hati kita. Amen

Sama-sama...

Oh Bonda Maria,
engkau terus bersinar dalam perjalanan kami
sebagai tanda keselamatan dan harapan.
Kami mempercayakan diri kami kepadamu,
juga kesihatan orang sakit, yang di kaki Salib,
dipersatukan dengan penderitaan Yesus,
dan bertekun di dalam iman terhadap-Mu.
“Santa Pelindung umat Roma”,
Engkau tahu keperluan kami,
dan kami percaya bahawa engkau akan memberi,
sehingga sama seperti di Kana - di Galilea,
sukacita dan perayaan akan kembali lagi
selepas masa percubaan ini.
Bantulah kami, Bonda Kasih Ilahi,
untuk menyesuaikan diri dengan kehendak Bapa
dan untuk melakukan apa yang Yesus katakan kepada kami.
Kerana Ia memikul penderitaan kami, dan membebani
diri-Nya dengan kesedihan kami untuk membawa kami,
melalui salib, menuju sukacita Kebangkitan. Amen

Bapa kami...
3x Salam Maria...
Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

LIHAT TANGANMU DENGAN IMAN

Kami anak-Mu, berkumpul atas nama-Mu
Menyembah dan mensyukuri
Dan tetap memuji-Mu...
Ku ingin mengenal-Mu, melakukan kehendak-Mu
Berjalanlah, bersabdalah, kuingin mengerti...

Korus:

*Janganlah takut Maria, Malaikat berkata
Ker'na Allah berkenan padamu
Bagi Tuhan tak ada yang mustahil
Lihat tangan-Mu dengan iman...
Berikan 'ku kekuatan, berikan 'ku keberanian
Untuk selalu percaya, kepada-Mu
Berikan 'ku kekuatan, berikan 'ku keberanian
Untuk selalu percaya, kepada-Mu*

Ref:

Jadikanlah aku alat-Mu, tatkala belenggu menimpa
Meski ketika sukar bagiku, fahami, pimpinku berjalan
Dalam iman, percaya pada-Mu

*Sambut tangan-Ku, kita harungi bersama
Kita tidak akan terpisah
Jadilah berani, janganlah gentar
Ker'na Aku disisi selamanya...*

Pautan Web: https://youtu.be/Se_fci1Devc

AZAM TAHUN BARU

#1

Soalan untuk membantu renungan anda dalam aktiviti ini:

1. Apakah yang ingin saya capai pada tahun ini?
2. Apakah perkara atau sikap lama yang perlu saya tinggalkan untuk dapat bertumbuh lebih baik pada tahun ini?


#2

Tulis azam anda pada sekeping kertas.



#3

Letak dan lekatkan azam tersebut pada dinding bilik/ di tempat yang kamu boleh lihat selalu.



#GLOW4CHRIST

HARI RAYA PENAMPAKAN TUHAN



Bersinarlah

APAKAH HADIAH YANG DIBERIKAN OLEH PARA ILMUWAN / ORANG MAJUS PADA HARI KELAHIRAN YESUS?



Yesus mendapat hadiah emas, kemenyan dan mur! Dan setiap hadiah tersebut mempunyai lambang tersendiri. Emas melambangkan Yesus yang adalah 'Raja orang Yahudi', kemenyan melambangkan kehadiran nyata Yesus sebagai Peribadi yang Ilahi ditengah-tengah manusia, manakala mur yang menurut tradisi orang Yahudi, sering digunakan sebagai pengawet tubuh orang mati, melambangkan peristiwa wafat mulia Yesus yang akan berlaku pada suatu masa dalam hidup-Nya.

TIGA RAJA DARI TIMUR

Tiga raja dari timur,
Bawa mas, kemenyan dan mur
Melalui gunung dan padang,
Mengikuti bintang

Korus:

*O, bintang ajaib yang terang
Bintang agung cemerlang
Tuntun s'lalu jalan kami
Dengan t'rang yang abadi*

Pautan Web: <https://youtu.be/JHZJMtW4JBY>



TANDA SALIB *Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen*

Sama-sama...

Ya Allah,
pada hari ini dengan bimbingan bintang
Engkau telah mewahyukan Putera Tunggal-Mu,
Yesus Kristus kepada umat manusia.

Kami mohon,
semoga kami yang telah mengenal Engkau dalam iman
kelak Engkau perkenankan
memandang wajah-Mu dalam kemuliaan.
Dengan pengantaraan Yesus Kristus, Putera-Mu,
Tuhan kami, yang bersama dengan Dikau
dalam persatuan Roh Kudus, hidup dan berkuasa,
Allah, sepanjang segala masa.
Amen

Bapa kami...
Salam Maria...

MATIUS 2: 1-12

Pembaca: Inilah pembacaan dari Injil Santo Matius...

Sahutan : Dimuliakanlah Tuhan.

Yesus dilahirkan di Betlehem, di Tanah Yudea, semasa pemerintahan Raja Herodes. Tidak lama kemudian datanglah beberapa orang ahli ilmu bintang dari Timur ke Yerusalem. Mereka bertanya, "Di manakah Anak yang baru lahir, yang akan menjadi Raja orang Yahudi? Kami melihat bintang-Nya muncul di Timur, dan kami datang hendak menyembah-Nya." Apabila mendengar perkara itu, Raja Herodes berasa risau, begitu juga semua penduduk Yerusalem. Raja Herodes memanggil semua ketua imam dan ahli Taurat berhimpun lalu bertanya kepada mereka di mana tempat lahirnya Kristus, Mesias itu. Mereka menjawab, "Di Betlehem, di Tanah Yudea. Hal ini tertulis oleh seorang nabi: 'Wahai Betlehem di Tanah Yehuda, engkau bukanlah yang terkecil antara pemimpin kota utama Yehuda, kerana daripadamu akan muncul seorang Pemimpin yang akan memimpin umat-Ku Israel.'

bersambung dihalaman seterusnya...

*Kata Kunci Alkitab [Mat]

*Penyahut membuat Tanda Salib kecil di dahi, bibir dan dada.

MATIUS 2: 1-12

"Setelah itu, Raja Herodes berjumpa secara rahsia dengan ahli-ahli ilmu bintang itu dan mendapat tahu daripada mereka dengan tepat bila bintang itu terbit. Raja Herodes menyuruh ahli-ahli ilmu bintang pergi ke Betlehem dengan perintah demikian: "Pergilah dan carilah Anak itu sedaya upaya. Apabila kamu menjumpai-Nya, beritahulah aku, supaya aku juga dapat pergi menyembah-Nya. "Mereka pun pergi. Di pertengahan jalan, mereka melihat bintang yang telah muncul di Timur dahulu kini mendahului mereka dan berhenti di atas tempat Anak itu. Sungguh gembira mereka apabila melihat bintang itu. Mereka masuk ke dalam rumah itu dan melihat Anak itu dengan ibu-Nya Maria. Mereka pun sujud menyembah Anak itu, lalu membuka harta benda mereka dan mempersesembahkan emas, dupa dan mir kepada-Nya. Allah memberikan peringatan kepada mereka melalui mimpi supaya jangan kembali kepada Herodes. Oleh itu, mereka pun pulang ke negeri mereka mengikut jalan lain.

*Pembaca: Demikianlah Injil Tuhan...
Sahutan : Terpujilah Kristus.*



RENUNGAN

Epifani bererti 'Penampakan'. Hari ini kita merayakan Tuhan yang menyatakan diriNya sebagai 'TERANG' kepada segala bangsa yang diwakili oleh tiga orang Majus (Cendikiawan) dari berbagai bangsa. Kehadiran para cendikiawan ini menyedarkan kita semula, apakah ertinya 'Gereja' Tubuh Mistik Kristus, iaitu yang telah menjadi 'Terang' bagi bangsa-bangsa dan bagi orang-orang disekitar kita. Sekiranya kita benar-benar menyambut dan menerima Yesus sebagai 'Terang' yang membimbing langkah hidup kita, maka hidup kita pun pasti akan menjadi terang (teladan) bagi sesama. Yesaya 60:1 - "Bangkitlah, menjadi teranglah sebab terangmu datang dan Kemuliaan Tuhan terbit atasmu".

Menerima dan menghayati hidup Yesus dalam hidup kita harus menjadi nyata, agar orang lain akan tertarik untuk datang kepada kita dan meneladani hidup kita kerana mereka melihat 'Yesus Terang' itu ada dalam diri dan hidup kita. Apakah selama ini hidup saya menarik dimata orang-orang disekeliling saya? Berapa ramaikah orang yang telah menjadi baik sekaligus selamat kerana teladan hidup saya ini? Berapa ramaikah yang telah saya bantu untuk keluar dari masalah hidup mereka?

Sama-sama...

Ya Allah Bapa Syurgawi,
Engkau telah menunjukkan Putera-Mu yang tunggal
kepada para bangsa melalui ciptaan-Mu yang indah dan
bercahaya; matahari di siang hari, dan bulan di waktu malam.
Berkat iman, kami telah mengenal Engkau melalui Yesus,
Terang kehidupan kami.

Kini kami mohon agar Engkau sentiasa menerangi jalan hidup
kami, agar kami layak bertemu dengan Engkau di Syurga.

Ya Yesus Kristus, Terang Abadi,

Nyatakan di dalam hati kami cahaya hidup-Mu,
agar kegelapan tidak lagi menguasai kami,
dan menutup hati kami kepada Kasih dan Kebenaran,
iaitu Engkau sendiri.

Berikan kami juga terang-Mu,
agar kami ikut serta menjadi Terang dan Garam
kepada mereka yang kami temui setiap hari.

Bersama Bonda Maria,
para malaikat dan orang Kudus di syurga,
kami berdoa semua ini melalui Putera-Mu Yesus Kristus,
Tuhan dan pengantara kami. Amen.

3x Doa Kemuliaan...

Pemimpin: Dengan ini doa kita sudah pun selesai...

Semua: Syukur kepada Allah.



TANDA SALIB

Dalam Nama Bapa, Putera dan Roh Kudus. Amen

KESUKAAN PADA DUNIA /SELAMAT TAHUN BARU

Hai dunia gembiralah dan sambut Rajamu
Dihatimu terimalah, bersama bersyukur
Bersama bersyukur
Bersama-sama bersyukur

Hai dunia alukanlah, Rajamu penebus
Hai bumilah gunung lembah
Bersoraklah terus
Bersoraklah terus
Bersorak - soraklah terus

Selamat hari natal, selamat hari natal
Selamat hari natal, selamat tahun baru
Salam bagimu sekalian
Selamat hari natal dan tahun baru
Selamat Natal dan Tahun Baru

Pautan Web: <https://youtu.be/69KRzT6iZCg>

MEMBERKATI SESAMA


#1

Ucapkan ‘salam damai’ dan ‘Tuhan memberkati kamu’ sambil membuat Tanda Salib kecil di dahi ahli keluarga/ sahabat anda.



#GLOW4CHRIST

Blessed Christmas & Happy New Year 2021!



ESTD. 1955
DIOCESE OF PENANG
MALAYSIA